

Ratusan orang awam menyerbu UTC Miri untuk pelbagai urusan

MIRI: Ratusan orang awam menyerbu pintu masuk Pusat Transformasi Bandar (UTC) Miri selepas agensi itu membuka kaunter perkhidmatan untuk semua urusan bermula semalam.

Tinjauan Utusan Borneo mendapati orang awam sudah berbaris sepanjang lebih satu kilometer di luar bangunan seawal jam 7 pagi untuk membuat pembayaran bil, pemrosesan dokumen peribadi dan lesen perniagaan.

Kelihatan beberapa pegawai Majlis Bandaraya Miri (MBM) dan penguat kuasa bertugas dan membahagikan mereka kepada beberapa barisan sebelum memasuki bangunan UTC.

MBM turut menyediakan kaunter berkanopi dan kerusi untuk pegawai penguat kuasa dan kesihatan merekodkan maklumat dan mengambil suhu orang ramai sebelum dibenarkan masuk.

Hashiela Basri dari Kampung Bakam Miri berkata dia ke UTC Miri untuk memohon dokumen MyKad anaknya.



BERBARIS: Hashiela (tiga kanan) bersama anaknya berbaris di luar bangunan UTC Miri.

“Kami sampai di sini jam 8 paginamun orang ramai sudah berbaris panjang sehingga ke Balai Polis Pusat Miri terletak di luar kawasan UTC.

“Saya menggunakan peluang ini memohon MyKad anak memandangkan masih cuti sekolah berikutnya COVID-19. Saya berharap tidak lama berbaris memandangkan cuaca panas di luar,” katanya.

Bagi orang kurang upaya (OKU), Idris Moton dari

Kampung Haji Wahed, diaterpaksa berbaris bersama orang awam memandangkan tiada barisan khas untuk OKU.

“Saya berharap pihak berkuasa menyediakan laluan khas untuk memudahkan urusan tanpa perlu berbaris panjang dan menunggu lama,” katanya yang ke UTC untuk membuat permohonan mengganti MyKad yang hilang.

Selepas dimaklumkan

kepada petugas MBM, Idris kemudian dibantu dan dibenarkan masuk tanpa perlu berbaris.

Bagi Ngau Ajeng, dia tiada pilihan sebaliknya terpaksa berbaris panjang memandangkan datang jauh dari Hulu Baram untuk memperbaharui lesen perniagaan.

Sementara itu, UTC Miri dibuka mulai jam 8 pagi hingga 4 petang kecuali cuti umum.